

HONG LEONG ISLAMIC BANK BERHAD**“PROMOSI TIA-i KADAR INDIKATIF 2.35% @ 3 Bulan atau 2.40% @ 6 Bulan”****TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PROMOSI**

Terma-terma dan Syarat-syarat Akaun Pelaburan Berjangka-i oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad ini (TIA-i) hendaklah dibaca bersama-sama Terma-terma & Syarat-syarat Am TIA-i dan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat berkaitan yang dikenakan oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad 20501009144 (686191-W) (“**HLISB**” atau “**Bank**”). Bank boleh mengenakan terma-terma dan syarat-syarat lain yang berkaitan di samping peraturan-peraturan lain pada bila-bila masa dengan pemberitahuan terlebih dahulu.

Terma-terma dan Syarat-syarat ini hanya terguna pakai bagi TIA-i iaitu Akaun Pelaburan Tidak Terhad (UA) yang membenarkan langganan dan pengeluaran dibuat secara atas talian melalui Perkhidmatan Perbankan Digital Hong Leong (“**Hong Leong Connect**”).

“**Promosi 3-Bulan dan 6-Bulan TIA-i**” HLISB (“**Promosi**”) ini akan bermula dari 5 November 2020 dan berakhir pada 31 Disember 2020, termasuk kedua-dua tarikh tersebut (“**Tempoh Promosi**”) atau mencapai sasaran promosi, yang mana terlebih dahulu, melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma-terma & Syarat-syarat

Terma-terma dan syarat-syarat yang terguna pakai untuk Promosi (“T&Cs”) dijelaskan seperti berikut:

Kelayakan

1. Promosi ini terbuka kepada individu-individu dan perniagaan-perniagaan tunggal (“**Pelabur**”) yang merupakan pemegang akaun utama HLISB Akaun Semasa atau Simpanan-i (“**CASA-i**”) / Hong Leong Bank Berhad (“**HLBB**”) Akaun Semasa atau Simpanan (“**CASA**”). Pelabur hendaklah mendaftar terlebih dahulu dengan Hong Leong Connect sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
2. Pemegang Akaun Bersama CASA-i / CASA tidak boleh membuka atau mengendalikan TIA-i dan tidak dibenarkan untuk menyertai Promosi ini.
3. Promosi ini hanya untuk langganan baharu yang dibuat semasa Tempoh Promosi. Pelabur yang membuat pembaharuan pelaburan secara automatik semasa Tempoh Promosi tidak layak menyertai Promosi ini, melainkan Pelabur mengeluarkan pelaburan yang sedia ada dan membuat langganan baharu semasa Tempoh Promosi.
4. Pelabur yang telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang atau telah diisytiharkan sebagai bankrap atau terlibat dalam sebarang prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi dilarang menyertai atau akan dilucutkan kelayakannya dengan serta-merta untuk Promosi ini.

5. Pelabur yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLISB / HLBB sebagai berpotensi untuk melakukan sebarang perbuatan salah yang dijelaskan dalam dokumen ini, akan dengan serta-merta dilucutkan kelayakannya untuk menyertai Promosi ini.

Kadar Indikatif Promosi untuk TIA-i & Langganan

Pelabur yang telah melanggan antara jumlah RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu) dan RM5,000,000 (Ringgit Malaysia Lima Juta) untuk Tempoh 3 bulan dan 6 bulan TIA-i semasa Tempoh Promosi layak untuk mendapatkan Kadar Indikatif Promosi seperti yang tertera di bawah;

Tempoh Promosi	Tempoh Pelaburan	Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR)	Kadar Indikatif Promosi	Amaun Langganan Minimum Dana TIA-i	Amaun Langganan Maksimum Dana TIA-i untuk setiap langganan
5/11/2020 – 31/12/2020	3 bulan	85:15	2.35% setahun.*	RM2,000	RM5,000,000
5/11/2020-31/12/2020	6 bulan	85:15	2.40% setahun.*	RM2,000	RM5,000,000

* Sekiranya terdapat perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR), kadar keuntungan yang dijangka untuk langganan baharu (selepas perubahan OPR) mungkin akan diubah semasa Tempoh Promosi.

Mekanisme Promosi

1. **Pembaharuan:** “Kadar Indikatif Promosi” ini hanya untuk langganan tempoh pelaburan tiga (3) bulan dan enam (6) bulan TIA-i. Sebarang pembaharuan automatik selepas itu akan tertakluk kepada kadar indikatif biasa HLISB semasa pembaharuan dilakukan.
2. Bagi Pelabur yang sedia ada mempunyai akaun CASA-i / CASA di HLISB / HLBB, langganan TIA-i boleh dilakukan melalui Hong Leong Connect dari CASA-i / CASA. Pelabur yang tidak sedia ada mempunyai CASA-i / CASA bersama Bank dikehendaki untuk membuka akaun CASA-i dengan HLISB sebelum melanggan dalam TIA-i.

Am

1. Dengan menyertai Promosi ini, Pelabur bersetuju:
 - i. untuk mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung;
 - ii. bahawa keputusan Bank dalam semua hal berkaitan Promosi ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif;

- iii. untuk mengakses laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my/IA-i dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Promosi dan memastikan untuk mengambil tahu sebarang perubahan atau variasi terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat.
2. HLISB berhak:
 - i. untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, dengan memberitahu Pelabur terlebih dahulu. Bank akan memuat naikan Terma dan Syarat yang telah dikemas kini di laman sesawang Bank, atau melalui mana-mana kaedah yang dianggap sesuai oleh Bank.
 - ii. untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelabur daripada menyertai Promosi ini disebabkan tidak mematuhi Terma dan Syarat yang terkandung dalam dokumen ini seperti mana yang dianggap munasabah oleh HLISB / HLBB.
 3. Semua Terma-terma & Syarat-syarat lain yang berkaitan dengan TIA-i akan terus terguna pakai melainkan disebut sebaliknya dalam Terma-terma & Syarat-syarat yang terkandung dalam dokumen ini.
 4. Untuk melayakkan Pelabur mendapat Kadar Indikatif Promosi TIA-i, langganan TIA-i hendaklah dilakukan semasa Tempoh Promosi melalui Hong Leong Connect.
 5. Terma-terma dan Syarat-syarat ini akan tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelabur bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
 6. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung dalam dokumen ini dan sebarang bahan pengiklan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau berhubung dengan Promosi ini, Pelabur hendaklah merujuk kepada Terma-Terma dan Syarat-syarat ini.
 7. Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung ini dan Terma-terma dan Syarat-syarat Am TIA-i hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu perjanjian keseluruhan . Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung dalam dokumen ini dan Terma-terma dan Syarat-syarat Am TIA-i, Pelabur hendaklah merujuk kepada Terma dan Syarat ini yang hanya terguna pakai untuk Promosi ini.
 8. Terma-terma dan Syarat-syarat Am yang diguna pakai untuk Promosi ini boleh didapati di www.hlisb.com.my/IA-i.
 9. Perkataan yang merujuk kepada satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan perkataan yang menandakan tunggal merangkumi perkara yang bukan tunggal dan begitu juga sebaliknya.

PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PIDM